**KUALA LUMPUR:** Lynas (Malaysia) Sdn Bhd's investment in research and development (R&D) has succeeded in finding commercial applications for its residue with the discovery of "Condisoil", a flexible and multi-purpose fertiliser.



*Lab technicians using chemicals to check the authenticity of earth compounds at the Lynas plant in Gebeng, Kuantan.*

Condisoil is produced via a combination of water leach purification (WLP, a waste product from rare earth processing) and magnesium rich synthetic gypsum (MRSG).

With the help of experts from universities, ministries and agencies, including the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) and Sirim, Condisoil has been tested and found to be safe to use in the soil, water, plant tissue and rice grain.

The *New Straits Times* sighted documents from tests, where Condisoil was used to grow kenaf and corn in "BRIS" areas, short for "beach ridges interspersed with swales".

Condisoil's success would have a significant impact on Lynas's licensing conditions, because if the WLP residue has commercial use, there is no longer reason to export the waste out of the country, observers said.

Under Lynas's licensing agreement, the company must find a commercial use for the waste, which must be stored in a permanent disposal facility.

If it fails to execute these two conditions, the low-level radioactive WLP residue must be taken out of the country.

On Saturday, Kuantan member of parliament Fuziah Salleh said Lynas should suspend the production of WLP residue at its rare earth refinery if it failed to dispose the stockpile by Sept 2.

According to a Bernama report, she said new waste would complicate the efforts to remove existing WLP waste from the plant in Gebeng.

"I think that they cannot continue to produce waste.

"They don't have to close down. Just don't produce new residue until the existing one is removed," she said after launching the "My Best Buy" programme at Serambi Teruntum in Kuantan.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/3/2019 | STAR | VIEWS | 17 |

# Address needs in fishing sector

LIKE other entrepreneurs in this country, those involved in the fishing industry are also facing challenging times. During a dialogue with fishermen associations in Perak organised by the Association for Community and Dialogue (ACID) that was also attended by the Human Resources Minister and officials from the Immigration Department, the fishermen pointed out that hiring of foreign workers was one of the main problems they encountered. They said that registering their foreign workers with the Home Ministry instead of the Fisheries Department, which was the previous practice, was taking a longer time as it involved health screenings and more documentation. They said it only took one day to register their foreign workers with the Fisheries Department.

The lag in the time taken to register foreign workers leads to loss of manpower which affects their income because it is based on their harvest of fish. Most locals do not want to work on fishing boats so their harvest would be reduced if they do not hire foreign workers, they said.

There is also a tendency for foreign workers to run away, so the high cost of hiring replacements has further weakened the industry.

It is vital for the government to resolve these issues. While it is understandable that immigration rules for foreign workers, especially pertaining to health and security, should be standardised, the authorities should also take into consideration the peculiarity of a particular industry.

Any delays in addressing the bureaucratic bottlenecks would affect the prices and affordability of fishery products for Malaysians. The presence of the middle man in the industry is already inflating the cost of fishery products in the market.

It would be appropriate for the relevant ministries and authorities (Agriculture and Agro-based Industry, Human Resources and Home Affairs) to establish a joint committee to address the problems in the recruitment of foreign workers for the fishing sector.

Imbalance in development objectives where focus is on rapid urbanization, which has made professions such as fishing unattractive to the younger generation, was also discussed during the dialogue.

It is hoped that the Pakatan Harapan Government would look into addressing the imbalance in the economic development between urban and rural areas to motivate young Malaysians to participate in the fishing industry and other rural-based economic activities.

**RONALD BENJAMIN**
**Executive Secretary**
**Association for Community and Dialogue**
**Ipoh**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2019 | KOSMO | NEGARA | 12 |

Ikan kering dipijak, dijilat anjing bukan untuk dijadikan ikan masin

# Dijual sebagai baja tanaman

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Pejabat Perikanan Negeri Kedah (PPNK) menjelaskan bahawa ikan kering yang dipijak dan dijilat anjing di sebuah lokasi di Langkawi baru-baru ini bukan bagi tujuan industri hiliran untuk dijadikan ikan masin.

PPNK dalam satu kenyataan semalam berkata, hasil pemantauan dilakukan, ikan yang dikeringkan itu adalah untuk dijual sebagai baja bagi tanaman atau kepada kilang pemprosesan serbuk ikan.


Ikan kering jemur dipijak, dijilat anjing di Langkawi

KERATAN *Kosmo!* semalam.

"Ikan yang dikeringkan itu adalah sebahagian kecil daripada hasil semasa proses penangkapan ikan bilis menggunakan bot pukat jerut bilis Zon A.

"Semasa proses penangkapan ikan bilis terdapat ikan kasar sebagai contoh ikan tamban, ikan kembung dan lain-lain ikan yang turut sama ditangkap bersama ikan bilis," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, ikan yang dikeringkan hanyalah salah satu sumber pendapatan tambahan berdasarkan lebihan hasil tangkapan dan bukannya industri utama.

"Industri utama di kawasan ini adalah ikan bilis yang menggunakan kaedah pemprosesan menggunakan mesin pengering yang diguna pakai di seluruh Pulau Langkawi dan Tanjung Dawai," katanya.

Ujarnya, penggunaan mesin tersebut adalah lebih efektif, selamat dan tidak dipengaruhi faktor cuaca berbanding penggunaan kaedah konvensional menggunakan kaedah jemuran di bawah cahaya matahari.

"Pihak industri juga telah dinasihatkan agar mematuhi semua prosedur yang ditetapkan dan menjaga kebersihan serta menghubungi agensi yang berkaitan sekiranya memerlukan maklumat lanjut," tambahnya.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Pengguna Kedah, Mohamad Yusrizal Yusoff meminta pemantauan tetap diteruskan bagi memastikan kaedah pemprosesan makanan laut di Langkawi terjamin kebersihannya.

"Kami sering menerima laporan mengenai isu pemprosesan makanan secara tidak bersih ini termasuk di Langkawi, jadi ia perlu diambil perhatian serius oleh pihak bertanggungjawab," katanya.

*Kosmo!* semalam melaporkan keadaan sebuah premis di satu lokasi di Langkawi yang didapati menjemur ikan kering di atas lantai dengan kira-kira enam ekor anjing dilihat berlegar-legar sambil memijak makanan tersebut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/3/2019 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Penternak kerapu, siakap dalam sangkar dakwa alami kerugian

# Ikan mati akibat cuaca panas

TUMPAT – Hampir 100 penternak ikan kerapu dan siakap dalam sangkar di Laguna Tujoh di sini alami kerugian apabila cuaca panas yang melanda Kelantan sejak dua minggu lalu menyebabkan banyak ternakan mereka mati.

Seorang penternak, Zailani Ariffin, 33, berkata, jumlah ikan yang mati setiap hari semakin meningkat berbanding bulan lalu.

"Kami berkampung di sini untuk memantau keadaan ikan dalam sangkar masing-masing selepas mengesan banyak ikan mati sejak kebelakangan ini. Hampir 80 peratus ikan yang ada di dalam sangkar ketika ini masih kecil dan lebih sensitif dengan perubahan cuaca," katanya di sini semalam.



SAIFULLAH (kiri) menunjukkan cara-cara penggunaan enjin bot galah di sangkar ikan mereka di muara Sungai Pengkalan Nangka, Tumpat baru-baru ini.

Beliau berkata, cuaca panas dan paras air di kawasan laguna yang semakin menyusut menyebabkan bekalan oksigen di dalam air berkurangan, sekali gus memberi kesan kepada ternakan menyebabkan ikan mudah kehilangan sisik serta cepat mati.

Katanya, kebanyakan penternak ikan sangkar mula menggunakan enjin galah dan peniup (*blower*) bagi mengatasi masalah itu.

"Kami berusaha menggunakan pelbagai alternatif bagi menyelamatkan ternakan daripada mati kerana sudah mengeluarkan kos yang besar untuk membeli anak ikan kerapu serta siakap yang mencecah RM1.50 seekor selain membeli makanan ikan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penternak Ikan Laguna Sri Tujoh, Saifullah Che Mat berkata, kira-kira 50 tan metrik ikan mati di laguna berkenaan setiap tahun dengan anggaran kerugian kira-kira RM750,000.

Saifullah berkata, penyusutan paras air akibat cuaca panas menyebabkan kadar kemasinan meningkat dan memberi kesan kepada ternakan apabila tidak mendapat bekalan oksigen yang mencukupi.

"Selain kesan cuaca panas, kawasan ternakan di Laguna Tujoh yang semakin cetek tahun demi tahun memburukkan keadaan dan kerugian penternak makin meningkat saban tahun," katanya.

Beliau berkata, terdapat sebahagian penternak mengambil keputusan menjual sangkar masing-masing kepada penternak baharu selepas gagal meraih keuntungan berikutan masalah yang timbul.

Saifullah, yang juga seorang penternak ikan siakap berkata, Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung, Pulau Pinang mendapati Laguna Tujoh dengan keluasan 46 hektar itu mampu mengeluarkan 300 tan metrik ikan sangkar setahun. – Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Baja, racun bersubsidi diagih minggu depan | | |
| MediaTitle | Utusan Sarawak | | |
| Date | 06 Mar 2019 | Color | Black/white |
| Section | TEMPATAN | Circulation | 37,981 |
| Page No | 9 | Readership | 113,943 |
| Language | Malay | ArticleSize | 151 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 494 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,483 |



# Baja, racun bersubsidi diagih minggu depan

**PASIR SALAK:** Agihan baja serta racun bersubsidi kepada kira-kira 322,000 pesawah di seluruh negara akan dibuat selewat-lewatnya minggu depan, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Beliau berkata kelewatan kira-kira seminggu dalam agihan itu disebabkan kementerian menunggu kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan (MOF) berhubung sambungan kontrak Skim Insentif Pengeluaran Padi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan.

"Alhamdulillah, semalam perkara itu telah dapat diselesaikan dan maka itu tidak timbul isu sawah padi dapat kurang da-ripada apa yang mereka dapat sebelum ini kerana kita telah janjikan sebelum ini.

"Jadi saya harap kita dapat pastikan bekalan mencukupi serta lebih bersedia pada musim akan datang dan tidak lagi menimbulkan isu kononnya kerajaan baharu telah memotong subsidi kepada pesawah kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Serahan Baja Tambahan dan Racun di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seberang Perak, di sini semalam.

Beliau berkata kementerian membuat permohonan khas kepada MOF bagi pembekalan baja tambahan NPK yang penting semasa peringkat pokok padi terbit tangkai.

Pada majlis tersebut, sebanyak 53,708 beg bantuan baja tambahan NPK dan racun bernilai keseluruhan RM1,705,845.48 untuk keperluan 4,270 petani di kawasan Seberang Perak akan diagihkan oleh PPK kawasan.

Sementara itu, seorang penerima Mohd Razali Yahya, 40, berkata dia lega dengan bantuan baja dan racun bersubsidi tersebut kerana sebelum ini dia terpaksa mengeluarkan belanja sendiri kira-kira RM800 untuk membeli racun bagi kegunaan di sawahnya yang seluas empat hektar.

"Padi perlu diberi racun rumpai pada usia 16 hingga 20 hari namun sekarang sudah 30 hari sebab itu saya terpaksa beli racun dahulu kerana jika lewat akan memberikan kesan kepada pertumbuhan padi," katanya yang berharap pengagihan itu dapat distrukturkan dengan lebih baik selepas ini. —Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2019 | NST | NEWS | 69 |

# Dam water released to help farmers



*The water level in Bukit Kwong dam, Rantau Panjang, was at 14.81m yesterday. (Inset) Kamal Mustapha.* FILE PIX

**RANTAU PANJANG:** The Kelantan Drainage and Irrigation Department has released water from the Bukit Kwong dam here to irrigate farmland affected by the dry spell.

Its director, Kamal Mustapha, said water in the dam had been released since January.

Since then, its water level had dropped by 2m.

"The reading in January was 16m, but the department decided to release the water to help farmers, who were facing difficulty after Sungai Golok dried up."

He said as at 2pm yesterday, the water level was 14.81m and its normal level was 16.67m.

"The situation is under control as the dead storage capacity or critical level for the dam is 12.20m."

Several farmers, when met here, thanked the department for resolving their problem.

Razali Abdul Raof said: "We encountered difficulty when the water level in Sungai Golok dropped last week.

"We depended on its water to irrigate our farms.

"But since early this week, we have to temporarily stop planting crops."

The 61-year-old, who cultivates cucumber, chilli and eggplant at Kampung Tok Deh, said while waiting for the water level in the river to rise, he and other farmers repaired their farms' fences.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/3/2019 | KOSMO | INFINITI | 29 |


# Cuaca panas jejas populasi ikan dunia



SUHU yang semakin panas menyumbang kepada penurunan lapan peratus populasi ikan dunia.

RONA *alam*

IKAN merupakan sumber protein utama bagi hampir separuh daripada populasi dunia.

Malah, lebih 56 juta individu di dunia menyumbang bakti dalam sektor perikanan.

Meskipun begitu, perubahan iklim dilihat mula mengganggu sistem jaringan kompleks pada sumber utama makanan dunia itu.

Sekumpulan saintis yang diketuai penyelidik daripada UC Santa Barbara's Bren School of Environmental Science & Management, Christopher Free telah mengkaji sama ada pemanasan air akibat cuaca akan memberi kesan terhadap produktiviti perikanan atau sebaliknya.

Hasil kajian itu diterbitkan dalam jurnal Science.

Kajian itu melihat data sejarah 124 spesies ikan di 38 buah negara yang mewakili satu per tiga daripada laporan tangkapan global.

Para penyelidik membandingkan data itu untuk merekod suhu laut dan mendapati lapan peratus populasi hidupan tersebut terkesan secara signifikan daripada impak itu manakala empat peratus lagi menunjukkan impak positif.

"Jumlah peratusan yang menurun lebih tinggi daripada jumlah tangkapan hasil perikanan.

"Kami amat terperanjat melihat betapa kuatnya kesan pemanasan cuaca terhadap populasi ikan dunia," jelasnya.

Laporan itu turut menunjukkan ikan akan memberi respons terbesar terhadap peningkatan suhu laut.

Malah, ikan daripada spesies serta keluarga sama turut menunjukkan persamaan respons terhadap perubahan itu.

**Impak**

Hal ini kerana spesies yang berkaitan akan memiliki sifat dan kitaran hidup yang hampir sama.

Ketika meneliti kewujudan jumlah populasi ikan yang berubah dari tahun 1930 hingga 2010, penyelidik telah menemui kehilangan yang amat besar dari segi produktiviti di Laut Jepun, Laut Utara, Perairan Iberian, Kuroshio Current dan Celtic-Biscay Shelf.

Walaupun penurunan pada produktiviti perikanan dilihat masih kecil, impaknya sangat besar pada skala global.

Sebagai contoh, Asia Timur telah menunjukkan penurunan terbesar disebabkan iklim panas iaitu penurunan produktiviti perikanan daripada 15 hingga 35 peratus.

"Hal ini bermakna, 15 hingga 35 peratus sumber makanan berasaskan ikan semakin berkurangan dan pekerjaan di sektor perikanan turut mengalami nasib sama walaupun Asia Timur merupakan salah sebuah benua memiliki populasi manusia paling pantas berkembang di dunia," ujarnya lagi.

Pada hemat Free, mengurangkan impak perbezaan benua akan menjadi salah sebuah cabaran terbesar dunia pada masa depan.



SEKTOR perikanan turut terjejas apabila sumber makanan berasaskan hidupan laut itu semakin berkurangan.



JUMLAH tangkapan hasil laut semakin berkurangan akibat perubahan iklim.



PERAIRAN Iberian antara laut yang terkesan akibat pemanasan suhu air laut.



KESAN pemanasan cuaca terhadap populasi ikan dunia [illegible]



SUHU laut yang semakin panas membuatkan ikan semakin berkurangan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2019 | BH | WILAYAH | 61 |

CUACA PANAS MELANDA NEGARA

# Air empangan Sabah hanya bertahan beberapa bulan

JANS diarah salur bantuan bekalan air kecemasan



[FOTO BERNAMA]

*Mohd Saifullah meninjau ikan yang mati akibat kekurangan oksigen berikutan cuaca panas di Tumpat, semalam.*

Kota Kinabalu

Kapasiti air di enam empangan di negeri ini masih beroperasi seperti biasa, namun hanya boleh menampung air beberapa bulan sahaja berikutan kemarau yang berpanjangan.

Menteri Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Datuk Peter Anthony, berkata masalah penurunan kadar pengeluaran air akibat kemarau yang sedang melanda menjejaskan beberapa kawasan di Sabah.

"Selain empangan, tangki simpanan kita juga hanya boleh bertahan beberapa bulan lagi. Saya juga mendapati masalah ini berlaku di kampung-kampung di kawasan pedalaman.

"Oleh itu, saya mengarahkan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) untuk menyalurkan bantuan air kecemasan untuk semua pihak yang terbabit. Namun kita ada sedikit kekangan dari segi penghantaran air kerana lori tangki tidak mencukupi," katanya selepas meninjau proses rawatan kumbahan menggunakan mikro organisme di Stesen Pam Pembetungan, Dah Yeh Villa, Likas dekat sini, semalam.

Beliau berkata kementeriannya menerusi JANS akan terus memantau mengenai masalah itu di seluruh Sabah dan berharap akan berlaku hujan dalam masa terdekat.

Mengulas mengenai lawatan di stesen pam berkenaan, Peter berkata pihaknya akan menambah sekurang-kurangnya tiga lagi petugas di setiap 11 stesen pam pembetungan di seluruh Kota Kinabalu bagi memastikan kerja-kerja di stesen pam berkenaan dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur.

"Kini kontraktor yang telah dilantik juga sedang membaik pulih saluran paip kumbahan yang telah pecah dan menyebabkan limpahan di sekitar Likas, sehingga menyebabkan masalah bau di sekitar kawasan berkenaan.

## Penternak ikan berdepan kerugian

Sementara itu di Tumpat, hampir 100 penternak ikan kerapu dan siakap dalam sangkar di Laguna Tujoh di sini, berdepan kerugian apabila cuaca panas di Kelantan sejak dua minggu lalu menyebabkan banyak ternakan mereka mati.

Seorang penternak, Zailani Ariffin, 33, berkata setiap hari jumlah ikan yang mati semakin meningkat berbanding bulan lalu.

Beliau berkata, cuaca panas dan paras air di kawasan laguna yang semakin menyusut menyebabkan bekalan oksigen di dalam air berkurangan sekali gus memberi kesan kepada ternakan menyebabkan ikan mudah kehilangan sisik dan cepat mati.

Katanya, penternak ikan sangkar mula menggunakan enjin galah dan 'blower' bagi mengatasi masalah itu daripada terus berlanjutan.

"Kami berusaha menggunakan pelbagai alternatif bagi menyelamatkan ternakan daripada mati kerana sudah mengeluarkan kos yang besar untuk membeli anak ikan kerapu dan siakap yang mencecah RM1.50 seekor selain membeli makanan ikan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penternak Ikan Laguna Sri Tujoh, Saifullah Che Mat, berkata kira-kira 50 tan metrik ikan mati di laguna berkenaan setiap tahun dengan anggaran kerugian kira-kira RM750,000.

Saifullah berkata, penyusutan paras air akibat cuaca panas menyebabkan kadar kemasinan meningkat dan memberi kesan kepada ternakan apabila tidak mendapat bekalan oksigen yang mencukupi.

BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/3/2019 | BH | WILAYAH | 63 |

ISU NELAYAN KUALA LANGAT

# Selangor komited tingkat kualiti air

Kerajaan negeri cari mekanisme atasi pencemaran

Oleh Faliq Lajim
cnews@nstp.com.my

Shah Alam

Kerajaan Selangor mengesahkan menerima banyak aduan berkaitan kualiti air di Sungai Langat yang terjejas akibat pencemaran sehingga menjejaskan kehidupan nelayan di situ.

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Izham Hashim, berkata pada masa ini kerajaan negeri sedang berusaha untuk menyelesaikan isu berkenaan dan meningkatkan kualiti air kepada kelas kedua daripada kelas ketiga sekarang.

Izham berkata, pihaknya menerima banyak aduan yang membabitkan Sungai Langat berkaitan isu pencemaran berikutan pelbagai aktiviti dijalankan di situ.

"Saya difahamkan ketika ini kualiti air di Sungai Langat berada pada kelas yang ketiga, iaitu dikategorikan tidak elok. Jika nak turunkan kelas satu agak mustahil berikutan kategori itu tahap apabila air sungai itu boleh diminum begitu sahaja.

"Jadi kita sedang cari usaha dan mekanisma untuk menaikkan kualiti di Sungai Langat itu pada kelas kedua. Sekurang-kurangnya, aktiviti air boleh dilakukan di situ.

"Kerajaan Selangor komited dalam menyelesaikan masalah ini. Sungai Langat adalah tiga sungai yang terpenting di Selangor selain Sungai Selangor dan Sungai Klang. Namun, ia dikategorikan antara yang paling tercemar selepas Sungai Klang," katanya kepada BH.

Izaham berkata, pencemaran di Sungai Langat berlaku berikutan sisa minyak, sisa besi yang tinggi dipercayai hasil sebuah kilang besi yang pernah beroperasi di laluan sungai itu sebelum ini dan juga sisa daripada kilang lain yang beroperasi di tebing sungai itu.

"Sungai Langat panjang dan digunakan sebagai pengangkutan termasuk pengangkutan komersial. Jadi minyak daripada kapal itu antara punca pencemaran yang berlaku di situ.

## Ambil sampel air

"Malah, dahulu juga ada projek mega berteknologi tinggi beroperasi di situ. Apabila ia tidak beroperasi lagi tempat itu ditinggalkan begitu sahaja menyebabkan besi itu menjadi karat," katanya.

"Ketika ini saya sudah mengarahkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) untuk mengambil sampel air di setiap tempat yang sudah ditanda supaya kita boleh mengenal pasti punca pencemaran air.

"Ia boleh berlaku di sekitar jeti, kilang atau mana-mana tempat. Jika di dapati kandungan air yang diambil mempunyai pencemaran yang tinggi kita akan ambil tindakan," katanya.

Selain itu, kerajaan Selangor juga akan bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan serta LUAS dan juga Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Selangor dalam membanteras masalah-masalah yang timbul.

"Kita akan bertindak segera dalam membantu nelayan di Kuala Langat dan juga menyelesaikan masalah pencemaran di situ.

"Saya akan datang ke Kuala Langat dalam masa terdekat dan meninjau keadaan berlaku di sana.

"Kita akan bersihkan sampai industri udang galah yang dulu terkenal di situ kembali semula. Namun, kita harus naikkan kualiti air terlebih dahulu serta memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk penduduk di Kuala Langat sendiri," katanya.

*BH* semalam melaporkan kehidupan nelayan sekitar Kuala Langat terjejas termasuk pendapatan berkurangan apabila kawasan perairan situ dicemari pelbagai kegiatan komersial termasuk yang didakwa dilaksanakan secara haram.



*Keratan akhbar BH semalam.*